

# UNI-MLC minta RM200 COLA sektor swasta

27/3/2007  
KUALA LUMPUR 26 Mac — Jaringan Kesatuan Antarabangsa Majlis Perhubungan Malaysia (UNI-MLC) menyerahkan satu memorandum kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengenai keperluan elaun sara hidup (COLA) bagi pekerja swasta.

Presidennya, Mohamed Shafie BP Mammal berkata, memorandum itu bagi memohon kerajaan berbincang dengan majikan mengenai pemberian COLA sekurang-kurangnya RM200 sebulan kepada pekerja swasta.

Beliau berkata, pekerja swasta patut diberi COLA berikutan peningkatan harga petrol dan barangan keperluan harian yang memberi kesan besar kepada perbelanjaan pekerja berpendapatan rendah.

Katanya, tuntutan itu juga selaras dengan pemberian elaun yang sama kepada kakitangan awam sejak Januari tahun lalu.

"Kami berharap majikan sektor swasta mengambil kira kesusahannya yang dialami para pekerja kesan daripada kenaikan barangan dan petrol itu dengan cara pemberian COLA.

"Justeru dengan penyerahan memorandum itu, diharap kerajaan mengadakan perbincangan

dengan Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) mengenai pemberian COLA kepada pekerja swasta yang berkesatuan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis perasmian Persidangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan untuk Sektor Perkhidmatan, di sini hari ini.

Menurut Shafie yang juga Timbalan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), pemberian COLA untuk sektor swasta telah dipersetujui oleh Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn tahun lalu, namun tiada tindakan susulan.

"Kami berasa kecewa kerana sehingga sekarang tiada satu pun syarikat swasta yang memberi COLA kepada pekerjanya," jelasnya.

Kakitangan awam Gred 1 hingga Gred 54 mula menikmati COLA antara RM50 dan RM150 sebulan sejak 1 Januari tahun lalu mengikut kawasan tempat berkhidmat.

COLA pernah dibayar kepada kakitangan awam sekitar 1970-an untuk menampung kos sara hidup mereka yang bekerja di kawasan bandar.